

Jurnal Personalia Pelajar 19(1)(2016): 11-21

Pendekatan *Service-Learning* Dalam Kursus Kemahiran Insaniah: Transformasi Positif Dalam Kalangan Pelajar Perubatan UKM-UNPAD
(*Service-Learning Approach in Soft Skill Course: Positive Transformation amongst UKM-UNPAD Medical Students*)

NAJAH NADIAH AMRAN, MAZNAH IBRAHIM, ROSILAH HASSAN & KHAIDZIR ISMAIL

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk melihat tahap keberkesanan pendekatan pembelajaran melalui kaedah *Service-Learning* (SL) berjaya dalam pembangunan Kemahiran insaniah (KI) pelajar secara langsung. Ia menganalisa dan menghuraikan pemupukan nilai kebertanggungjawaban di kalangan 37 orang pelajar Fakulti Perubatan UKM-UNPAD setelah selesai melengkap keperluan Kursus KI. Dapatan dianalisis melalui pendekatan kualitatif dengan menghimpunkan perancangan, laporan aktiviti dan refleksi berstruktur yang dihasilkan oleh pelajar. Dapatan menunjukkan terdapat impak dan transformasi yang positif dalam konteks pembelajaran bermakna dan pembangunan diri para peserta melalui pendekatan SL terutama pemupukan nilai kebertanggungjawaban sosial yang merupakan salah satu atribut dan elemen penting yang ingin dicapai dalam aspek KI pelajar.

Kata kunci: Kemahiran insaniah, pendekatan *Service-Learning*, sukarelawan mahasiswa perubatan, khidmat masyarakat, nilai kebertanggungjawaban sosial.

ABSTRACT

This article aims to explore the effectiveness of learning through service-learning approach in developing and enhancing students soft skills. It evaluates and analyses students' attainments in civic engagement through SL approach by focusing on their public social values and understanding. The participants are thirty-seven UKM-UNPAD medical students who completed Kemahiran Insaniah Course by organizing a community service in an Indonesian neighbourhood. After completing their service, they were asked to submit a complete report including individuals' structured reflections on their activity, contribution and learning process. This article concludes that there are positive impacts and transformation on students' character and understanding of civic engagement after completing their service. The students shared encouraging and positive values of what they had learnt by doing through community service. Also, it shows that service-learning approach is an effective method in teaching and learning specifically it cultivates sense of social belonging and public responsibility among UKM students, which is one of the core aims of KI course.

Keywords: Soft skill, Service-Learning approach, medical student volunteer, community services, public engagement and social value.

PENGENALAN

Kemahiran insaniah (KI) (*soft-skill*) dan kecemerlangan akademik merupakan dua aset yang signifikan bagi graduan yang menempuh alam kerjaya (Adi-Irfan Che Ani et al. 2014). Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengambil inisiatif merangka beberapa kursus bagi melahirkan graduan yang kompeten dan memiliki kemahiran generik yang holistik. Antaranya Kursus Kemahiran Insaniah (HHHC9118). Kursus ini bertujuan untuk mencapai objektif KI yang telah digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi seperti berikut:

“KI merupakan kemahiran selain daripada kognitif dan kemahiran teknikal. KI merangkumi aspek kemahiran generik. Walaupun tidak terdapat satu senarai yang khusus tentang KI, tetapi kebanyakannya berkaitan dengan kemahiran tertentu seperti kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan. KI adalah antara elemen yang dikenal pasti amat kritikal dalam dunia pekerjaan yang bersifat global pada masa ini, apatah lagi dengan perubahan teknologi yang begitu pantas. Oleh itu, graduan mesti dibekalkan dengan KI sebagai usaha untuk memenuhi dan menepati kehendak pasaran.” (Modul KI, Kementerian Pendidikan Tinggi, hlm. 11)

Modul Pembangunan KI untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia telah dilancarkan pada 22 Ogos 2006 bagi melahirkan modal insan berkualiti, berketrampilan dan kompeten untuk bersaing di peringkat nasional dan global (Mohd Yusof Husain et al. 2010). Beberapa kajian mendapati kemahiran teknikal dan kecemerlangan akademik semata-mata tidak menjamin kebolehan pasaran graduan apabila mereka tamat pengajian ataupun latihan (Mohd Yusof Husain et al. 2010). Sebaliknya kemahiran generik ataupun insaniah menjadi ‘tiket’ dan ‘senjata’ penting untuk graduan bagi menghadapi cabaran alam kerjaya (Adi-Irfan Che Ani et al. 2014).

Persoalannya, bagaimanakah cara ataupun apakah langkah berkesan untuk membangun, memupuk dan melatih KI pelajar? Apakah strategi-strategi yang dijalankan di peringkat fakulti, pusat ataupun universiti bagi meningkatkan KI pelajar? Beberapa kajian mendapati terdapat peningkatan KI di kalangan pelajar yang menjalankan latihan industri (Mohd Yusof Husain et al. 2010). Bagaimanapun bukan semua pelajar akan melalui latihan industri sebelum graduasi. Terdapat dapatan yang signifikan menunjukkan ada perubahan positif dan ketara kepada atribut kemahiran kerja berpasukan, kemahiran etika dan profesional pelajar setelah mereka mengambil kursus-kursus tertentu disebabkan oleh penekanan dan perhatian yang diberikan

oleh pensyarah (Mohd Yusof Husain et al. 2010). Bagaimanapun bukan semua pensyarah memberikan penekanan yang sama terhadap atribut-atribut KI yang telah digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Bahkan pembelajaran dalam bilik kuliah hanya terhad kepada teori dan perbincangan. Teknik pengajaran ini tidak dapat memberikan ‘pengalaman sebenar’ kepada pelajar berbanding pelajar meneroka dan menjalankan teori yang mereka pelajari di lapangan ataupun di luar bilik kuliah. Kajian Mohd Fathi Adan et al. (2013) mengenalpasti terdapat beberapa impak positif KI di kalangan pelajar UTM yang menjalankan khidmat masyarakat. Ia dikira sebagai salah satu kursus ko-kurikulum pilihan yang ditawarkan kepada pelajar.

Konsep Service-Learning

SL (SL) atau ‘pembelajaran berasaskan khidmat’ ditakrifkan sebagai satu kaedah pengajaran dan pembelajaran menggunakan pengalaman dalam berkhidmat kepada masyarakat. *SL* adalah pendekatan yang menggabungkan objektif pembelajaran akademik, kemahiran interpersonal dan khidmat dan bakti pelajar dalam memberikan sumbangan bermakna kepada masyarakat. Melalui projek *SL*, pelajar belajar bagaimana menabur bakti kepada masyarakat. Pelbagai kajian dalam pembelajaran berasaskan khidmat membuktikan bahawa pelajar boleh meningkatkan prestasi akademik mereka, membina kemahiran kepimpinan, dan mengukuhkan rasa ingin berkhidmat kepada masyarakat. Bahkan pengalaman dalam *SL* memberikan pelajar kelebihan profesional dan kerjaya, di samping dapat menanamkan kesedaran sivik dan perkhidmatan etika kepada masyarakat (Eyler et al. 2001; Leimer et al. 2009).

Pendekatan *SL* dalam proses pembelajaran memberikan banyak kelebihan. Antaranya pelajar mendapati ilmu pengetahuan ataupun teori yang mereka telah pelajari dalam dewan kuliah relevan dan dapat diaplikasikan dalam pengalaman harian sebenar. Pelajar yang melalui pengalaman pembelajaran melalui pendekatan ini mendapati mereka mendapat pertambahan pengetahuan dan pengalaman sebenar terutamanya mereka menjalankan aktiviti secara berpasukan. Pendekatan ini juga menuntut pelajar mengaplikasikan kemampuan mereka berfikir secara kritikal dan logik dalam mencari solusi dan ketika berhadapan dengan cabaran (Mary Prentice dan Gail Robinson 2010).

Laporankajian Prentice dan Robinson (2010) sekali lagi menekankan bahawa pendekatan pembelajaran secara *SL* juga berhasil menumbuhkan minat dan juga kepuasan terhadap subjek tertentu

dan meningkatkan motivasi dalam pembelajaran. Ia juga mampu membina keperibadian dan memupuk nilai positif di kalangan pelajar secara langsung dan tidak langsung. Hasil kajian mereka telah merakamkan pelbagai dapatan dan rekod keberhasilan, kesungguhan, rasa kasih sayang dan keprihatinan serta kesedaran yang tumbuh di kalangan pelajar semasa dan setelah selesai aktiviti mereka. Memetik ulasan daripada seorang pendidik berpengalaman, Prentice dan Robinson sekali lagi menekankan bahawa pendekatan ini dapat melahirkan graduan yang holistik yang mampu berperanan dengan baik di tengah-tengah masyarakat³.

‘...One of the goals of education, by the time your students leave your schools, is are they going to be able to be well-rounded individuals who can work well in society? I think SL does exactly that...’ (antara matlamat pendidikan, setelah pelajar tamat dan meninggalkan alam persekolahan samada mereka telah bersedia untuk menjadi individu yang memiliki segenap aspek skil dan pengetahuan yang boleh berperanan dalam masyarakat dengan sebaik-baiknya, saya percaya pendekatan SL mampu melahirkan mereka...).

Secara ringkasnya dapat disimpulkan beberapa ciri penting SL seperti Jadual 1.

JADUAL 1. Ciri-ciri pendekatan Service-Learning

Ciri-ciri Pendekatan SL			
Memberi pengalaman sebenar dan pengajaran yang bermakna	Berkait dengan pengajian atau kursus yang diambil oleh pelajar	Bakti dan sumbangan kepada komuniti	Memberi impak positif kepada pelajar dan komuniti

JADUAL 2. Model SL Northeastern University Boston.

Sumber: (www.northeastern.edu, 2014)

Model	Model 1: Model SL secara langsung	Model 2: Model SL berasaskan kajian penyelesaian masalah dalam komuniti.	Model 3: Model hibrid
Keterangan	Pelajar berkhidmat secara langsung di lokasi dan/atau pertubuhan komuniti .	Pelajar berkhidmat dgn komuniti sebagai ‘pakarunding’. Pelajar dalam kursus tertentu mempunyai pengetahuan / kepakaran untuk menjalankan penyelidikan, atau membuat cadangan proaktif dan boleh mengemukakan penyelesaian kepada masalah / cabaran yang dikenalpasti oleh komuniti.	Pelajar mengambil peranan sebagai rakan kongsi serta melibatkan diri secara aktif. Mereka boleh juga melabur dalam mengusahakan projek tertentu.
Contoh	pelajar menyumbang pada setiap minggu, selama 2-5 jam seminggu. Menyumbang mengajarkan pendidikan tidak formal utk masyarakat setempat. Pelajar memberi khidmat sbj pengajar/mentor belia selepas waktu persekolahan/waktu petang.	Kemahiran perundingan-pelajar menggunakan kepandaian atau pengalaman komunikasi untuk menguruskan sebuah pertubuhan NGO dlm menangani isu gelandangan atau masalah remaja jalanan.	Terlibat dlm kempen gaya hidup sihat. Pelajar boleh merangka dan melaksanakan kurikulum dgn agensi tertentu untuk belia tentang pemakanan dan tabiat makan dan gaya hidup yang sihat.

Model Service-Learning

Terdapat beberapa model SL yang boleh digunakan dan diadaptasikan dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Pelajar boleh bekerja secara bersendirian, berpasangan, dalam kumpulan kecil, ataupun melibatkan setiap orang pelajar (Maznah Hj Ibrahim et al. 2014). Projek-projek SL mengaplikasikan proses pengajaran dan pembelajaran rencam yang meninggalkan gaya pembelajaran tradisional seperti pembelajaran sehala dan pasif, menghafal fakta-fakta untuk peperiksaan, pembelajaran terpencil dan juga ketidakmampuan pelajar mengaplikasikan pengetahuan ke dalam situasi baru (Gibson et al. 2011). Dalam Jadual 2 adalah tiga model SL yang digunapakai di Northeastern University Boston, Massachusetts, Amerika Syarikat. Model ini dinamakan Northeastern University Boston Service-Learning Model.

Terdapat tiga bentuk model iaitu Model Perkhidmatan-Pembelajaran Langsung, Model Kajian Komuniti dan Penyelesaian Masalah (Problem Based SL Model/ Community-based Research) dan Model Hibrid.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Artikel ini mengambil pendekatan kualitatif iaitu kajian kes ke atas satu program bakti pelajar untuk masyarakat sebagai fokus kajian dan perbincangan. Pengumpulan data awal dilakukan melalui laporan program, gambar-gambar aktiviti pelajar serta hasil laporan sendiri pelajar sewaktu dan selepas menjalankan aktiviti mereka. Bagi memperkayakan lagi dapatan, pelajar-pelajar tersebut dihubungi semula bagi mendapatkan maklumat tambahan mengenai impak langsung program yang mereka jalankan ke atas diri mereka. Mereka telah diminta untuk merakamkan kembali dalam bentuk ulasan pendek apakah perkara-perkara signifikan yang mereka telah perolehi dan alami setelah dua tahun aktiviti tersebut selesai dijalankan.

Ulasan yang mereka hasilkan berbentuk refleksi naratif berstruktur iaitu mereka menceritakan kembali dan membuat refleksi aspek-aspek yang penting yang mereka pelajari berdasarkan soalan yang diberikan. Dalam menganalisa dapatan naratif refleksi pelajar, garis panduan *SL Best Practices: Reflection as Academic Practice* yang dikeluarkan oleh Centre of Community Service, Northeastern University digunakan sebagai landasan.

Walaupun terdapat banyak lagi atribut KI yang lain diperolehi oleh pelajar setelah selesai menjalankan aktiviti, artikel ini tanpa menafikan kepentingan atribut-atribut tersebut hanya memberikan fokus terhadap kepada aspek berkaitan nilai kebertanggungjawaban yang ditunjukkan oleh pelajar.¹


Antara atribut KI yang ingin diterapkan kepada para pelajar adalah supaya mereka menguasai:

- i. Kemahiran komunikasi
- ii. Pengurusan maklumat dan konsep pembelajaran sepanjang hayat
- iii. Pemupukan nilai, sikap, etika dan profesionalism
- iv. Pemikiran kritikal, kemahiran mencari solusi dan pendekatan saintifik
- v. Kepimpinan dan kerja berpasukan
- vi. Pengurusan dan keusahawanan dan
- vii. Kemahiran pemikiran kreatif dan inovasi.

Aplikasi Konsep Service-Learning Dan Refleksi Berstruktur

Dalam menerangkan kaedah penyelidikan, kami telah menjelaskan secara ringkas mengenai teknik refleksi berstruktur yang menjadi kaedah mengukuh dan memperkayakan dapatan yang sedia ada. Teknik melakukan refleksi secara berstruktur sebelum, semasa dan selepas menjalankan aktiviti, akan memantapkan hasil pembelajaran pelajar sekaligus mempertautkan pelajar dengan objektif kursus. Northeastern University memetik kenyataan Janet Eyler dan Dwight Giles, Jr (1997) menegaskan bahawa tanpa refleksi berstruktur

RAJAH 1. Model refleksi berterusan dan kitaran pembelajaran berasaskan pengalaman. Continuiuos reflection and experiential Learning Cycle Model)



pelajar akan gagal untuk berfikir dan merenung secara kritikal sekaligus mereka tidak berupaya melihat hubungkait aktiviti yang mereka jalankan dengan pembelajaran. Pelajar juga akan membuat tanggapan yang negatif kepada pengajar kerana tidak berupaya mengajar dengan sempurna. Sebaliknya kajian mendapati pendekatan refleksi berstruktur yang digandingkan dengan SL menyebabkan pelajar bertambah tinggi motivasi untuk belajar dan mampu berfikir di aras tinggi.

Tiga langkah refleksi berstruktur dalam bentuk kitaran yang harus dilakukan dan dilalui oleh pelajar apabila menjalankan aktiviti SL. Tiga langkah tersebut merupakan soalan-soalan yang harus dijawab ataupun ditangani oleh pelajar.

Soalan ‘Apakah’ adalah untuk memberikan deskripsi kepada pengalaman pelajar. Pelajar boleh menjawab soalan-soalan asas seperti berikut:

- i. Apakah yang telah dialami/berlaku?
- ii. Siapakah yang turut serta/terlibat sama?
- iii. Apakah reaksi pertama saya dan bagaimana saya memahami apa yang berlaku?

Di sini dikongsi pengalaman refleksi seorang pelajar bernama Ummi Athirah binti Kamaruzaman yang menceritakan kembali apakah kisah di sebalik ataupun sebelum program mereka dilaksanakan.

“...Semasa perbincangan untuk memilih aktiviti bagi kelas KI, sebenarnya banyak pilihan yang ada. Cuma tinggal untuk memilih aktiviti yang berbentuk kemasyarakatan atau team building. Jadi kami sepakat aktiviti berbentuk kemasyarakatan memandangkan ia sesuai dengan bidang ilmu kami yang akan banyak terdedah dengan masyarakat. Tapi bagi saya bukanlah semata-mata untuk kepentingan diri sendiri, malah semasa awal-awal kami tiba di bumi Indonesia, kami lihat ramai orang yang hidup dalam kesusahan sedangkan bagi mereka sebenarnya..kehidupan mereka sudah cukupi...”

Soalan ‘jadi, bagaimanakah program/aktiviti yang dijalankan ini signifikan?’ bertujuan untuk menjana lebih maklumat ataupun menginterpretasi. Ia bertujuan untuk meninjau sejauh manakah impak SL berlaku samada kepada komuniti ataupun kepada pelaksana. Soalan ini juga bertujuan untuk menggali apakah pelajaran-pelajaran baru dipelajari oleh pelajar dan apakah sudut pandang baru yang didapati oleh mereka. Oleh kerana SL ini spesifik di antara teori dan amali, menjurus kepada pengajian-khidmat/sumbangan, maka salah satu perkara yang harus dijadikan refleksi adalah mengenai sejauhmanakah aktiviti yang dijalankan

berkaitrapat dengan kandungan kursus dan saling membantu dalam penghuraian dan kefahaman serta apakah ruang-ruang yang telah terisi. Ummi Athirah binti Kamaruzaman menyambung:

“...Pada pandangan saya, selain keperluan wang untuk kelangsungan hidup ada satu perkara yang saya sedari saat berbual bersama mereka. Rata-rata mereka baru belasan tahun, sangat bersemangat sekali ingin mendapatkan nasihat tentang tujuan hidup ini. Masing-masing anak Panti Asuhan ini bercita-cita ingin menjadi doktor, penulis dan beberapa [kerjaya] lain yang saya lupa.

Tetapi apabila melihat kami datang dari fakulti perubatan lebih-lebih lagi dari Malaysia, mereka sangat teruja menyambut kami, bukan kerana kami ini tetamu...mereka seperti dahagakan semangat untuk mencapai cita-cita atau berjaya dalam hidup, malah untuk mengubah nasib hidup mereka

Saya tersentuh apabila [dapati] ada anak-anak Panti Asuhan yang bercita-cita untuk menjadi doktor kerana saya fikir bagi orang yang serba kekurangan seperti wang, agak susah untuk mendapat tempat seperti di Fakultas Kedokteran UNPAD ini, namun adik tersebut banyak bertanya tentang cara untuk mendapat tempat di fakultas kedokteran. Saya pula kurang tahu tentang keadaan [kemasukan pelajar] di Indonesia.

Ini adalah yang saya rasai dari aktiviti ini. Mereka seolah memperoleh semangat baru untuk belajar bersungguh-sungguh...”

Seterusnya soalan ‘apakah perancangan seterusnya?’ bertujuan meninjau apakah langkah, rancangan, keputusan yang akan diambil/diperbaiki pada masa hadapan. Langkah ketiga ini melepasi sempadan tinjauan sejauh manakah program yang dijalankan itu signifikan. Ia ingin mengetahui dengan lebih lanjut sejauhmanakah pengalaman lepas akan membantu pelajar untuk merancang dan membuat pilihan dan perancangan seterusnya, bagaimanakah pelajar akan mempraktikkan pengalaman dan pelajaran baru dalam konteks yang baru di tempat lain dan sebagainya.

Soalan tersebut bertujuan untuk mengetahui sejauh manakah pelajar berupaya untuk mengaplikasikan skil dan apakah mereka menerima dan mendapat paradigma baru dalam ruang-ruang hidup mereka untuk dipraktikkan di tempat dan suasana baru. Dua langkah terakhir dalam kitaran refleksi ini sangat penting kerana ia memberi peluang kepada pelajar untuk menerangkan apakah perkara signifikan yang mereka telah pelajari dan setelah mendapat pelajaran tersebut, apakah rancangan mereka seterusnya.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang Aktiviti Pelajar

Bagi melengkapikan keperluan KI, sekumpulan pelajar seramai 37 orang pelajar Fakulti Perubatan program kerjasama antara Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universitas Padjadjaran Indonesia (UKM-UNPAD) telah menganjurkan satu projek kemasyarakatan di bawah penyeliaan Encik Abdul Qaiyyum bin Borhan pada 8 Disember 2013. Ketika menjalankan aktiviti ini, pelajar tersebut baru memulakan pengajian tahun pertama.

Aktiviti tersebut bertempat di sebuah institusi sosial bernama Panti Sosial Asuhan Anak Simpay Asih yang terletak di Jatinangor, Bandung. Mereka telah menemui 34 orang kanak-kanak dan remaja yang terdiri daripada anak yatim dan keluarga miskin. Program ini sangat ditekankan oleh pihak universiti dengan tujuan para pelajar dekat dan peka terhadap persoalan masyarakat dan persekitaran mereka. Projek mereka ini dinamakan sebagai 'Projek RAINBOW'. Shahirah binti Samsuri menjelaskan:

"Program ini diberi nama RAINBOW [Pelangi] kerana kami berharap dengan kehadiran kami dapat mencerikan hidup mereka...Kami memilih untuk mengadakan aktiviti di Panti Asuhan kerana setelah kami membuat pemerhatian, kami dapati keadaan di tempat itu serba kekurangan dan amat menyedihkan..."

Objektif utama projek yang mereka rancang ini adalah untuk membantu golongan yang tidak bernasib baik dari aspek kemudahan harian, pemakanan dan penjagaan kesihatan. SL ini bertujuan meringankan beban hidup mereka. Untuk menjayakan projek ini, peserta program ini telah menyusun struktur organisasi yang kemas. Terdapat lima biro yang telah dibentuk dan setiap biro ini telah menyumbang dan menjayakan projek tersebut.

Model 1 SL Secara Langsung yang diperkenalkan oleh Northeastern University Boston (2010) menjelaskan bahawa para pelajar memberikan khidmat kemasyarakatan secara langsung di lokasi, pertubuhan komuniti ataupun institusi dalam tempoh-tempoh tertentu. Maklumat dan latar belakang ringkas projek RAINBOW sebagai contoh, hampir menepati konsep Model 1 SL. Namun apabila diteroka dengan lebih mendalam melalui naratif dan refleksi para

pelajar, didapati bahawa usaha para pelajar ini telah melepasi tahap pertama dalam aktiviti SL. Mereka juga berusaha untuk menjawab soalan 'Jadi, bagaimanakah program anda signifikan?' Sebagai contohnya:

"...Berdasarkan maklumat yang kami peroleh, kebanyakan warga PSAA SIMPAY ASIH terdiri daripada keluarga fakir miskin dan sebahagian dari mereka terdiri daripada anak yatim. Keadaan tempat kediaman mereka memerlukan penekanan mengenai kebersihan dan kekemasan. Terdapat banyak kawasan takungan yang boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Selain itu, keadaan bersekitaran yang bertanah mampu meningkatkan pembiakan cacing di kawasan tersebut. Tambahan pula, kandungan nutrisi yang diterima oleh warga PSAA SIMPAY ASIH juga boleh dianggap kurang sempurna. Ini kerana, kandungan nutrisi yang diterima oleh mereka kaya dengan karbohidrat, namun begitu, mereka kekurangan nutrisi protin disebabkan oleh kekurangan sumber makanan yang terdiri daripada protien. Atas faktor inilah kami berasa terpenggil untuk menghulurkan bantuan semampu kami agar dapat meringankan beban mereka..."

Jelas melalui kenyataan di atas, didapati bahawa pelajar-pelajar perubatan ini telah mengambil inisiatif proaktif mencari lebih maklumat dan melihat apakah permasalahan-permasalahan yang ketara di lokasi pilihan mereka ini. Penganjuran projek mereka ini menjadi salah satu usaha mereka untuk mengemukakan satu solusi kepada masyarakat. Antara senarai pendek permasalahan ketara penduduk ialah masalah kebersihan dan nutrisi. Dua senarai pendek ini amat dekat dengan bidang pengajian mereka yang bakal menjadi doktor satu hari kelak.

Terdapat tiga langkah dalam kaedah penyelesaian masalah iaitu membuat hipotesis, mengumpul maklumat dan membuat keputusan ataupun cadangan penyelesaian. Para pelajar perubatan ini telah menggunakan dua langkah penyelesaian masalah secara saintifik iaitu mengumpulkan maklumat dan membuat keputusan ataupun cadangan-cadangan penyelesaian melalui penganjuran projek ini. Model 2 SL menekankan aspek-aspek kajian penyelesaian masalah dan komuniti. Mereka membuat klasifikasi masalah yang dikenal pasti seperti dalam Jadual 3:

JADUAL 3. Klasifikasi masalah di kawasan Pantu Asuhan

Masalah Kebersihan	<p>“...Terdapat banyak kawasan takungan yang boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes...”</p> <p>“...Keadaan bersekitaran yang bertanah mampu meningkatkan pembiakan cacing di kawasan tersebut”.</p>
Kekurangan Nutrisi	<p>“...Ini kerana, kandungan nutrisi yang diterima oleh mereka kaya dengan karbohidrat”..., “namun begitu, mereka kekurangan nutrisi protein disebabkan oleh kekurangan sumber makanan yang terdiri daripada protin...”</p>

Model 2 SL menjelaskan bahawa latar belakang bidang pengajian pelajar berkait dengan SL yang mereka anjurkan. Di dalam model ini, pelajar berperanan sebagai ‘pakar runding’ dalam menyelesaikan permasalahan yang dikenalpasti. Berdasarkan pengetahuan dan maklumat, para pelajar UKM-UNPAD telah menjalankan mini penyelidikan

bagi mengenalpasti apakah-apakah permasalahan dalam komuniti dan seterusnya mengemukakan cadangan yang proaktif. Mereka telah menyediakan lima solusi untuk menangani dua permasalahan yang telah disenarai pendek. Mereka telah menyusun program sehari dan memasukkan cadangan solusi melalui beberapa bentuk slot ringkas seperti Jadual 4:

JADUAL 4. Cadangan pembaikan pelajar perubatan UKM-UNPAD

Masalah Kebersihan	<ol style="list-style-type: none"> a. Senamrobik dan gotong-royong membersihkan kawasan (elemen memupuk amalan senaman dan kebersihan). b. Ceramah dan Praktikal mengenai langkah-langkah penjagaan kesihatan yang asas. c. Sesi latihan dalam Kumpulan – menangani nyamuk Aedes dan cacing
Kekurangan Nutrisi	<ol style="list-style-type: none"> d. Ceramah Motivasi e. Penyediaan jamuan makanan bernutrisi sepanjang hari projek.

Berdasarkan kepada solusi yang diberikan ini, didapati bahawa projek kemasyarakatan yang dilaksanakan oleh pelajar ini juga hampir menepati Model 3 SL iaitu Model Hibrid. Dalam model Hibrid, pelajar bukan sahaja terlibat secara langsung tetapi pelajar aktif serta berperanan dalam merangka rancangan dan ko-kurikulum untuk agensi ataupun institusi tertentu. Jelas di dalam projek ini para pelajar UKM-UNPAD turut terlibat dalam membudayakan dan

kempen gaya hidup sihat melalui kebersihan, senaman, penekanan aspek-aspek pemakanan dan kesihatan diri.

Projek RAINBOW ini sebenarnya menepati hampir ke semua ModelSL di atas bahkan boleh disimpulkan secara tepatnya menghampiri Model Hibrid iaitu menggabungkan Model 1 dan 2 dengan tambahan ciri-ciri yang lain.

Pendekatan Service-Learning dan Pemupukan Nilai Kebertanggungjawaban

Prentice dan Robinson (2010) telah menegaskan akan kepentingan pendekatan SL kepada aplikasi teori dan pengalaman sebenar pelajar. Jika kebanyakan pelajar universiti mendapatkan skil KI ketika menjalankan latihan industri pada semester pertengahan ataupun akhir seperti yang telah dinyatakan oleh Mohd Yusuf Husain (2010), Muhammad Fauzan Wira'i bin Kamilan, pelajar perubatan UKM-UNPAD telah terdedah dengan skil-skil KI melalui pengalaman sebenar beliau di lapangan sejak di tahun pertama lagi. Muhammad Fauzan juga telah menyelitkan satu nilai penting yang beliau pelajari:

“Melalui program yang dijalankan, saya memperoleh nilai kebertanggungjawaban dan rasa keprihatinan kepada masyarakat. Hal ini kerana saya dapat meluangkan masa pergi ke Panti Asuhan ini dan melihat sendiri bagaimana kehidupan anak-anak yatim dan anak-anak yang kurang bernasib baik”.

Di antara objektif aktiviti dan projek pelajar di luar bilik kuliah adalah untuk mencapai lapan keberolehan pembelajaran seperti berikut (Jumali Hj Selamat et al. 2013 dan Adi-Irfan Che-Ani et al. 2014):

- i. KI dan ebertanggungjawaban.
- ii. Kemahiran komunikasi.
- iii. Pengurusan maklumat dan konsep pembelajaran sepanjang hayat.
- iv. Pemupukan nilai, sikap, etika dan profesionalisme.
- v. Pemikiran kritikal, kemahiran mencari solusi dan pendekatan saintifik
- vi. Kepimpinan dan kerja berpasukan.
- vii. Pengurusan dan keusahawanan.
- viii. Kemahiran pemikiran kreatif dan inovasi.

Antara elemen dan sikap bertanggungjawab yang ingin dicapai melalui aktiviti dan projek luar bilik kuliah adalah rasa bertanggungjawab terhadap diri dan orang lain, rasa prihatin dan mengambil berat terhadap alam sekitar dan isu sosial melibatkan masyarakat seperti isu kemiskinan, perpaduan dan sebagainya (Jumali Hj Selamat et al. 2013). Keberolehan pembelajaran pertama KI yang dapat dilihat daripada pelajar perubatan UKM-UNPAD ini adalah nilai kebertanggungjawaban terpamer melalui pelbagai cara.

Sebagai contoh tambahan, Nadia Farhana Ghazali, yang kini berada di tahun 3 perubatan menjelaskan aspek-aspek positif yang beliau perolehi setelah melaksanakan projek ini.

“Aspek-aspek positif dan nilai kebertanggungjawaban yang saya dapat daripada aktiviti kemasyarakatan program RAINBOW yang

telah saya dan rakan-rakan laksanakan di Indonesia adalah seperti... pertama, rasa kasih sayang tak mengira pangkat dan darjat. Pada saya setiap manusia adalah sama dan setiap orang daripada kita ingin disayangi. Di Panti Asuhan anak itu rata-rata penghuni rumah adalah remaja yang kurang dari 17 tahun di mana rata-rata mereka dihantar kerana ibubapa mereka tidak mampu menyara mereka. Kami sangat peka terhadap mereka di mana mereka sedang berada dalam fasa melangkah ke alam remaja-dewasa. Adalah sangat penting bagi kami meluangkan masa bersama mereka di samping melayan mereka seperti adik kandung sendiri”.

Nadia mempamerkan rasa keprihatinan beliau terhadap latarbelakang anak-anak yang dibawa oleh keluarga yang tidak berkemampuan dan fasa perubahan usia dan biologi mereka dari alam kanak-kanak-remaja-dewasa. Keprihatinan ini selanjutnya telah diterjemahkan oleh Nadia melalui rasa bertanggungjawab untuk menjadi seorang ‘kakak’ kepada mereka. Sifat seorang kakak yang penyayang adalah berkeinginan untuk membimbing adik-adik. Ketika menjelaskan impak positif selanjutnya, Nadia mengatakan:

“Saya melihat diri saya sebagai seorang pembimbing masyarakat. Ternyata kehadiran kami di Panti Asuhan tersebut sangat dialu-alukan. Kami telah mengambil inisiatif untuk membuka minda mereka akan hala tuju mereka setelah keluar dari Panti Asuhan tersebut. Kami telah meluangkan masa bersama mereka di samping menyuntik semangat dan supaya tidak putus asa. Sebenarnya peluang menyertai program ini mengajar diri saya sendiri agar sentiasa bersyukur dan melatih diri menjadi bakal doktor yang prihatin terhadap masyarakat sekeliling”.

Impak yang Nadia nyatakan ini sangat berkait dengan pendekatan dan kelebihan SL dalam pemupukan nilai dan keperibadian (character building) seperti yang telah dijelaskan dalam kajian Prentice dan Robinson (2010).

Seorang lagi rakan Nadia, iaitu Nur Najihah binti Mohd Shaiful Bahri turut berkongsi pengalaman beliau dengan melihat aspek positif yang beliau alami dan pelajari menerusi program tersebut. Jika Nadia menjelaskan mengenai keprihatinan beliau terhadap masyarakat dan rasa keinsafan yang tumbuh di dalam diri, Nur Najihah pula menjelaskan beliau secara tidak langsung telah belajar untuk menyesuaikan diri dengan identiti dan budaya masyarakat yang majmuk.

Masyarakat Indonesia-Malaysia mempunyai ciri-ciri budaya dan identiti yang pelbagai. Nur Najihah mendapati antara pelajaran yang beliau boleh dibawa pulang ke Malaysia kelak adalah bagaimana untuk menyesuaikan diri di dalam kepelbagaian.

“Dalam merancang aktiviti untuk anak-anak

Panti Asuhan, kami terlebih dahulu membuat tinjauan mengenai aktiviti yang bersesuaian dengan masyarakat di Jatinagor khususnya di Sunda. Kami cuba untuk memahami budaya mereka sebelum melaksanakan program. Saya kira aspek ini boleh dipraktikkan di Malaysia (apabila saya pulang kelak) memandangkan rakyatnya majmuk”.

Nur Najihah mempamerkan sikap kepekaan sosial yang unik (cultural intelligence) di dalam petikan di atas. Atribut ini sangat penting untuk graduan berperanan di tengah masyarakat di peringkat nasional dan global. Komentarnya seterusnya daripada Nur Najihah sangat berguna untuk menilai keberkesanan pendekatan SL dalam pembangunan karektor beliau dan rakan-rakannya yang turut menjalankan aktiviti tersebut:

“Saya dan rakan-rakan secara tidak langsung membawa nama Malaysia sewaktu melaksanakan program RAINBOW ini. Kami harus berhati-hati ketika berbicara supaya tiada hati yang tersinggung kerana perbezaan bahasa pertuturan. Beruntungnya kami kerana masyarakat Malaysia dan Indonesia adalah masyarakat timur yang sangat menerapkan adat bersopan santun dalam berbicara. Maka ia mudah diterima oleh kedua-dua belah pihak”.

Komentarnya Nur Najihah ini menunjukkan salah satu nilai kebertanggungjawaban yang unggul iaitu menjaga dan mengharumkan nama Malaysia walau di mana berada. Beliau telah terjemahkan rasa dan nilai kebertanggungjawaban ini melalui penjagaan bahasa komunikasi berhikmah dan kesantunan budaya yang tinggi dengan mengambilkira aspek-aspek perbezaan pertuturan. Rakan Nur Najihah, Shahirah Binti Samsuri pula menambah:

“...walaupun berbeza negara, etnik, budaya dan taraf hidup, perbezaan di antara kami tidak menjadi penghalang untuk hidup bermasyarakat. Saya juga mampu mempelajari bahasa pertuturan masyarakat etnik lain iaitu bahasa Sunda yang sememangnya sangat berbeza dengan bahasa Melayu di Malaysia”.

Nuraqila Mohd Murshid pula mengaitkan impak yang signifikan program beliau dan rakan-rakannya jalankan melalui dua perkara iaitu tanggungjawab seorang insan yang menyumbang untuk masyarakat dan sebagai seorang hamba ataupun khalifah Allah. Jika Nur Najihah menunjukkan nilai kebertanggungjawaban untuk negara, Nuraqila mempamerkan atribut spiritual dan keinginan untuk berbakti kepada masyarakat kerana beliau adalah seorang hamba Allah. Beliau turut menyuarakan bagaimanakah beliau belajar erti keberanian dan mempraktikkannya dalam kehidupan.

“...berkaitan aspek positif yang saya perolehi [daripada program ini], seperti mana yang kita ketahui, manusia diturunkan ke dunia ini hanyalah kerana dua

perkara dan tidak lain dan tidak bukan, sebagai hamba yakni abid [orang yang melakukan ibadah] dan sebagai ketua, khalifah di bumi ini. Dalam erti kata lain, masih tidak layak saya katakan saya sudahpun menjalankan tugas untuk-Nya selagi saya tidak menyumbang apa-apa pun dalam aktiviti sosial seperti ini. InsyaAllah aktiviti ini sedikit sebanyak menjadikan saya berani untuk terus bergerak membantu ummah selari dengan perintah Allah...Ramai orang sangka berani bererti tiada [rasa] ketakutan, sedangkan berani adalah kemampuan bergerak dengan keyakinan kepada-Nya biarpun ketakutan...”

Nor Azurah Binti Md Kamalrudin turut menyatakan kesan yang positif seperti yang disebut oleh Nadia, Nur Najihah dan Nuraqila. Beliau menjelaskan erti keseronokan dan kegembiraan apabila beliau menyumbang dan bermanfaat untuk orang lain:

“...Banyak pengalaman yang saya perolehi setelah program itu selesai. Nilai kasih sayang yang dipupuk bersama-sama di rumah anak-anak yatim itu...mereka berkongsi makanan dan tempat tinggal, membuatkan saya rasa bersyukur kerana Tuhan telah mencukupkan keperluan saya dalam kehidupan ini. Kami juga bekerjasama sebagai satu pasukan bergotong-royong membersihkan kawasan rumah anak yatim dari kamar mandi sampailah ke kawasan luar rumah. Dengan bergotong-royong ini saya dapat merasakan keseronokan membantu orang lain yang memerlukan... menjadikan saya seorang yang bermanfaat untuk orang lain. Justeru saya berasa gembira dan bertuah diberi peluang untuk membantu satu sama lain...”

Shahirah binti Samsuri menjelaskan apakah erti bertanggungjawab terhadap orang lain lebih-lebih lagi mereka mempunyai kelebihan tertentu seperti penguasaan ilmu perubatan ataupun kesihatan. Menurut beliau:

“Saya merasakan diri saya bertanggungjawab untuk membantu orang-orang yang susah...Semasa melawat Panti tersebut, kami dapati kebersihan adalah antara masalah yang perlu diberikan perhatian. Sebagai pelajar perubatan kami berasa bertanggungjawab lebih-lebih lagi kami ada sedikit pengetahuan mengenai kebersihan dan kesihatan yang boleh dikongsi dengan mereka...Kami juga berjaya mendapatkan sumbangan dari masyarakat luar untuk disalurkan kepada anak-anak ini”.

Ken Bain (2012) menjelaskan terdapat beberapa perbezaan ciri-ciri pelajar cemerlang dalam bukunya ‘What the Best College Students Do’. Menurut Bain, terdapat kategori pelajar ‘cukup-cukup makan’ iaitu kategori mereka yang hanya berusaha sekadar untuk lulus. Mereka ini bersikap lepas tangan dan tidak serius. Kategori kedua ialah pelajar berstrategik

yang inginkan gred yang cemerlang semata-mata berbanding keinginan untuk belajar secara menyeluruh dan bermakna. Kategori pelajar paling cemerlang ialah pelajar yang mendalami sesuatu bidang pengajian dan ingin memiliki pengalaman yang bermakna. Ciri-ciri mereka adalah seperti berikut:

- i. pemburu kecemerlangan ilmu bukan pencapaian A semata-mata.
- ii. dapat menangani kegagalan.
- iii. suka membina ikatan peribadi yang kukuh dengan jurusan pengajian.
- iv. seorang yang gemar membaca dan berfikir dengan aktif.
- v. minat bertanya soalan yang penting.
- vi. ada perasaan empati kepada orang lain.
- vii. mempunyai matlamat dan memastikan ia tercapai.
- viii. sentiasa mencari jalan untuk menyumbang.

Berdasarkan aktiviti yang dijalankan, refleksi yang dikongsi dan juga usaha pelajar sebelum, semasa dan selepas aktiviti, pelajar-pelajar perubatan UKM-UNPAD yang terlibat dalam program khidmat ini sangat menepati beberapa atribut pelajar cemerlang yang mendapat pengalaman dan pengetahuan bermakna seperti yang disenaraikan oleh Bain.

KESIMPULAN

Pendekatan pembelajaran secara SL telah menunjukkan impak yang sangat positif kepada pembangunan dan perkembangan insaniah pelajar. SL juga memupuk kemampuan pelajar untuk mengaitkan bidang dan jurusan pengajian mereka dan khidmat kepada komuniti secara langsung sejak mereka berada di menara gading. Perkaitan ini memberikan natijah yang positif kerana pelajar berjaya mengaplikasikan teori ilmu yang mereka terima di alam realiti. Kajian ini mendapati model SL yang diperkenalkan oleh Northeastern University boleh digunakan sebagai kerangka landasan dengan beberapa pengubahsuaian yang sesuai dalam konteks pelajar tempatan di Nusantara. Selain itu, refleksi yang berstruktur dihasilkan oleh pelajar dapat menjana maklumat dan pengetahuan baru berkaitan impak dan faedah yang diperolehi pelajar dan komuniti samaada secara langsung ataupun tidak langsung. Para Pelajar UKM-UNPAD yang telah terlibat di dalam aktiviti bakti masyarakat di Indonesia ini telah mempamerkan sikap kebertanggungjawaban melebihi sempadan negara, bahasa dan budaya. Mereka telah menjadi duta kecil negara yang memberi sumbangan di luar negara. Salah satu aspek utama keberhasilan KI di kalangan pelajar

adalah apabila mereka menunjukkan sikap, nilai, pandangan serta rasa empati dan kebertanggungjawaban terhadap orang lain dan alam sekitar. Melalui pendekatan SL pelajar menjalankan khidmat kepada komuniti. Ternyata pendekatan pembelajaran SL telah menyumbang kepada transformasi yang sangat positif kepada pembangunan diri pelajar secara holistik. Pendekatan ini juga memberi faedah yang besar kepada pelajar, fakulti, universiti dan negara. Justeru, adalah disarankan agar warga pendidik dan pelajar dapat mengenalpasti ruang-ruang khidmat yang sesuai agar pendekatan ini bukan semata-mata khidmat biasa. SL mestilah berstruktur dan dirancang secara strategik, berkait dengan jurusan pengajian pelajar dan pada masa yang sama memantapkan setiap elemen dan atribut KI seperti yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

PENGHARGAAN

Kami amat menghargai sumbangan En. Abdul Qayyum Borhan, Eksekutif Pusat Citra Universiti Kebangsaan Malaysia (Citra UKM), Pelajar-pelajar Fakulti Perubatan UKM-UNPAD (sesi 2013/2014) yang terlibat menjayakan aktiviti dan membuat refleksi, dan Dana DPP-Citra 2015 untuk penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Adi-Irfan Che Ani, Khaidzir Ismail, Azizan Ahmad, Kadir Ariffin dan Mohd Zulhanif Abdul Razak. 2014. A New Framework for Universiti Kebangsaan Malaysia Soft Skills Course: Implementation and Challenges. *International Education Studies*. 7(8): 1-10.
- Bain, K. 2012. *What the Best College Students Do*. Cambridge: The Bellknapp Press of Harvard University Press.
- Centre of Community Service, Northeastern University. t.t. *Service Learning Best Practices: Reflection as Academic Practice*.
- Jumali Haji Selamat, Khaidzir Haji Ismail, Azizan Ahmad and Siti Arpah Noordin. 2013. Self-Driven Co-Curricular Activities: A Subtle Way to Enhance Students' Soft Skills. *World Applied Sciences Journal* 22(2): 287-291.
- Mary Prentice dan Gail Robinson. 2010. *Improving Student Learning Outcomes with Service Learning*. Washington: American Association of Community Colleges.
- Maznah Hj Ibrahim. 2014. *Educating the Educators: Reflections Post SL Projects*. Empowering Educators as Knowledge Creators Conference anjuran MARA International Teacher Training Institute (IALKM) dan Kolej Professional MARA Bandar Melaka, Hotel Avillion Legacy Melaka. 24-

25 June 2014. http://www.academia.edu/8034806/Educating_the_Educator_Reflections_Post_SL_Projects.

- Mohd Fathi Adnan, Azlan Abdul Latib, Shahrin Hashim dan Noor Syafafwati Mamat. 2013. Impak Kursus UTM dan Khidmat Komuniti Terhadap Pembangunan KI Pelajar Universiti Teknologi Malaysia. Prosiding 2nd International Seminar on Quality and Affordabale Education. hlm. 406-410.
- Mohd Yusof Husain, Seri Bunian Mokhtar, Asro Abdul Kamil dan Ramli Mustafa. 2010. KI Dalam kalangan Pelajar Kejuruteraan Elektrik Politeknik Sultan Azlan Shah. The Regional Seminar on Science Technology and Social Science.
- Rebecca A. Denby. 2008. The Impact of Service Learning on Students' Sense of Civic Responsibility. Ontario: The University of Western Ontario.

Najah Nadiah Amran (Dr.)
Pusat Citra Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: najah@ukm.edu.my

Maznah Ibrahim
Pusat Citra Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: maznah@ukm.edu.my

Rosilah Hassan (Prof. Madya Dr.)
Pusat Citra Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: rosilah@ukm.edu.my

Khaidzir Ismail (Prof. Dr.)
Pusat Citra Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor
Malaysia
E-mel: izay@ukm.edu.my